

26/04/1997

Penempatan semula disokong

KUALA KEDAH, Jumaat - Penduduk yang terbabit dalam projek penempatan semula nelayan Kuala Kedah, mengalu-alukan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Kedah bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Mereka berharap rancangan bagi meningkatkan taraf hidup itu dapat dilaksanakan segera.

"Bagaimapun, kami membantah cadangan kerajaan melaksanakan projek pembinaan empat blok rumah pangsa di kawasan penempatan khas bagi penduduk nelayan di sini," kata Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Seberang Alor, Khalid Shamsuddin.

(END)